



# Tun M nafi buat keputusan sendirian, diputuskan Kabinet

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad menafikan membuat keputusan sendiri dalam kes membatalkan Batu Puteh sehingga Malaysia kehilangan lokasi itu, sebaliknya ia diputuskan oleh Kabinet pada 2018.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pihaknya hanya memberikan pandangan untuk tidak meneruskan kerana pakar dan peguam berpendapat ia adalah suatu kes yang lemah untuk Malaysia.

“Saya tidak membuat keputusan secara bersendirian, sebaliknya hanya memberikan pendapat bahawa Malaysia tidak pa-

‘Sembunyikan keputusan punca hilang Batu Puteh’



tut meneruskan kerana ia adalah kes yang lemah dan kita tidak mempunyai ‘peluru’ untuk menang.

“Walaupun sebagai Perdana Menteri saya ada kuasa, saya memilih untuk tidak membuat keputusan sebaliknya ia dipu-

tuskan Kabinet dan kita perlu menghantar keputusan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 8 Jun 2018,” katanya pada sidang media, semalam.

April lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, dilaporkan berkata Perdana Menteri (ketika 2018) yang membuat keputusan sembunyi-semunyi adalah individu yang bertanggungjawab menyebabkan Malaysia kehilangan Batu Puteh dalam proses rayuan di mahkamah antarabangsa.